



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA ROAD TO GOLD BIL. 3:

SENARAI ATLET RTG TERKINI & SKUASY AKAN MENYERTAI

SUKAN OLIMPIK LOS ANGLES 2028

-
- Beregu Tan Kian Meng – Lai Pei Jing dan Hoki Lelaki dikecualikan daripada Program RTG.
 - Atlet angkat berat negara Aniq Kasdan akan dimasukkan ke dalam program RTG untuk Sukan Olimpik Paris 2024.
 - Datuk Nicol David akan membangunkan rancangan kemasukan skuasy menjelang Sukan Olimpik LA 2028.
-

KUALA LUMPUR , 31 OKTOBER 2023: Jawatankuasa *Road to Gold* (RTG) hari ini bermesyuarat buat kali ketiga sejak program itu ditubuhkan pada Mac tahun ini.

Jawatankuasa RTG membincangkan beberapa agenda dalam mesyuarat tersebut iaitu:

- 1) Perbelanjaan semasa program RTG;
- 2) Kemajuan dan status atlet RTG sedia ada;
- 3) Pencalonan atlet yang berjaya meraih emas untuk Malaysia di Sukan Asia Hangzhou baru-baru ini;
- 4) Atlet yang telah pun layak ke Sukan Olimpik Paris tahun hadapan; dan
- 5) Kemasukan skuasy ke Sukan Olimpik LA 2028.

Atlet RTG Sedia Ada

Selepas membuat pertimbangan, jawatankuasa RTG telah memutuskan untuk mengeluarkan pasangan beregu campuran Tan Kian Meng-Lai Pei Jing dan pasukan hoki lelaki negara daripada program itu.

Prestasi Tan Kian Meng-Lai Pei Jing sejak kelayakan Olimpik bermula Mei tidak meyakinkan dengan 12 penyingkiran pada pusingan awal (lapan pada pusingan pertama dan empat pada pusingan kedua) yang menyebabkan mereka terkeluar daripada kelayakan *Race To Paris* pada peringkat ini.

Sekiranya mereka mengubah nasib mereka sama ada - menjadikannya sebagai beregu pasangan terbaik negara dalam kelompok lapan teratas, atau layak sebagai pasangan beregu Malaysia dengan kedudukan tertinggi dalam 16 teratas ranking *Race To Paris* - jawatankuasa akan menyemak keputusan semula mengenai kemasukan mereka.

Pasukan hoki lelaki negara juga akan disingkirkan daripada program itu selepas mereka gagal memenangi pingat emas Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China, yang merupakan tiket ke Sukan Olimpik Paris 2024 dan kesannya kini mereka tercicir ke ranking ke-12 dunia.

Jawatankuasa RTG bersetuju untuk memasukkan semula pasukan hoki lelaki ke dalam program sekiranya mereka layak ke Sukan Olimpik Paris pada kelayakan Olimpik seterusnya iaitu di Muscat, Oman (15-21 Januari 2024) atau di Valencia, Sepanyol (13-21 Januari 2024) tahun depan.

Kemasukan Atlet Baharu ke dalam RTG

Berdasarkan permintaan daripada Persekutuan Angkat Berat Malaysia, RTG telah memasukkan;

• Mohamad Aniq Kasdan (61KG)

Aniq ialah atlet terbaru yang dimasukkan ke dalam program RTG untuk Sukan Olimpik Paris. Aniq kini berada di kedudukan ke-10 dalam ranking Olimpik yang merupakan sebahagian daripada kriteria RTG dan hanya berusia 21 tahun pada masa ini. Dengan sokongan yang betul, Aniq mempunyai potensi besar untuk meningkatkan prestasi *Personal Best* iaitu 291kg kurang 3 kg dengan pencapaian pemenang pingat gangsa Olimpik 2020 iaitu 294 kg.

Pemenang Pingat Emas Sukan Asia 2022

Jawatankuasa RTG juga telah membincangkan status atlet yang telah memenangi pingat emas di Sukan Asia 2022.

1. Pelayar Negara - Nur Shazrin Latif

Nur Shazrin akan menerima kenaikan elauan untuk Pingat Emasnya di Sukan Asia dan juga menerima insentif tambahan untuk kelayakannya ke Sukan Olimpik melalui Skim Insentif Sukan Olimpik (SISO). Beliau akan terus disokong sepenuhnya oleh Program Podium yang menerima penginapan, makanan, perlindungan kos pertandingan, peralatan, pemakanan dan juga perkhidmatan perubatan & sains sukan daripada MSN dan ISN.

2. Penunggang Equestrian Negara - Qabil Ambak

Qabil Ambak memaklumkan bahawa beliau tidak akan bertanding di Sukan Olimpik Paris selepas terlepas beberapa acara kelayakan sebelum ini. Bagaimanapun dia akan tetap disokong oleh MSN jika diperlukan.

3. Karate (Kumite Lelaki Bawah 85kg) - Muhammad Arif Afifuddin bin Ab Malik

Arif tidak termasuk dalam RTG kerana Karate bukan sebahagian daripada Sukan Olimpik Paris 2024. Bagaimanapun, elaun bulanan Arif di bawah Program Podium akan dinaikkan selepas kemenangannya di Sukan Asia 2022 dan akan terus menerima semua latihan, pertandingan dan sokongan sains sukan & perubatan seperti yang disediakan oleh MSN dan ISN setakat ini.

Atlet yang telah layak ke Olimpik Paris

Di bawah ialah senarai atlet yang juga layak ke Sukan Olimpik Paris:

1. Penerjun Kebangsaan - Bertrand Rhodict Lises

Bertrand akan menerima kenaikan elauannya dengan prestasi pingat Gangsa di Sukan Asia dan juga layak menerima elaun tambahan melalui Skim Insentif Sukan Olimpik (SISO). Memandangkan umurnya yang masih muda iaitu 18 tahun dan potensi yang telah ditunjukkannya, MSN akan bekerjasama rapat dengan Pasukan Penerjun untuk meneliti program khusus untuk Bertrand dan akan dipertimbangkan untuk RTG dalam masa yang ditetapkan.

2. Penembak Negara - Johnathan Wong

Johnathan juga akan menerima elaun Skim Insentif Sukan Olimpik (SISO) tambahan daripada MSN sehingga Sukan Olimpik Paris dan akan terus menerima sokongan penuh daripada MSN dan ISN di bawah Program Podium.

Walaupun atlet ini tidak termasuk dalam Program RTG buat masa ini, MSN akan memastikan mereka mendapat sokongan penuh melalui Program Podium sehingga Sukan Olimpik tahun depan.

Kontinjen Skuasy Kebangsaan & Kemasukan ke program RTG untuk Sukan Olimpik 2028

Pengumuman Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) pada 16 Oktober 2023 mengenai kemasukan Skuasy untuk Sukan Olimpik Los Angeles 2028 merupakan berita gembira selepas pencapaian kontinjen negara yang memenangi tiga pingat emas di Sukan Asia.

Jawatankuasa itu telah meminta Ahli Jawatankuasa RTG dan Timbalan Chef De Mission Sukan Olimpik Paris Datuk Nicol Ann David untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk membangunkan pelan strategik dan kolektif untuk kemasukan skuasy ke dalam fokus program RTG pada LA 2028.

**Hannah Yeoh
Menteri Belia dan Sukan
31 Oktober 2023**